



**PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN •  
CENTRE FOR RISK MANAGEMENT, OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1  
Tarikh : 25 Mei 2022

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.4/2022**

**DEKAN/ PENGARAH/ PENGETUA  
FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT/ KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof.Ulung/ Prof. /Datuk /Datin /Tuan /Puan,

**KEPERLUAN PENYEDIAAN VEST PEGAWAI INSIDEN & PERALATAN KECEMASAN PEGAWAI INSIDEN DI  
PUSAT TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya surat UKM.RKK.500-9/6/9 bertarikh 26 Mac 2019 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan mulai tahun 2019, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) tidak akan membekalkan lagi Vest Pegawai Insiden kepada Pegawai Insiden UKM. Mulai tahun 2019, **penyediaan Vest Pegawai Insiden dan Peralatan Kecemasan Pegawai Insiden adalah terletak di bawah tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.**

3. Mohon kerjasama YBhg. Prof.Ulung/ Prof. /Datuk /Datin /Tuan /Puan untuk memastikan penyediaan vest Pegawai Insiden adalah mengikut rekabentuk yang dicadangkan bagi tujuan keseragaman di seluruh UKM. Cadangan rekabentuk vest pegawai insiden UKM adalah seperti di Lampiran 1.

4. Manakala bagi peralatan kecemasan Pegawai Insiden seperti wisel dan lampu suluh juga boleh disediakan bergantung kepada keperluan di PTj masing-masing.

5. Justeru itu, mohon YBhg. Prof.Ulung/ Prof. /Datuk /Datin /Tuan /Puan mengambil maklum mengenai perkara ini dan memaklumkan kepada semua kakitangan yang berkenaan di Pusat Tanggungjawab YBhg. Prof.Ulung/ Prof. /Datuk /Datin /Tuan /Puan. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula 1 Julai 2019.

Seharian ini, kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Datuk /Datin/ tuan /puan dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

*"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan  
Dalam Era Norma Baharu"*

Yang benar

**PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/4350/4988 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/4350/4988 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh